

# Personaliti Pilihan

**B**eliau adalah seorang sukarelawan iaitu seorang insan istimewa pembawa obor kasih dan kemanusiaan. Beliau sentiasa sedia memberi dan berkongsi tanpa mengharapkan sebarang ganjaran material. Meskipun dengan segala keterbatasannya, beliau telah memberikan khidmat dan sumbangan bererti kepada bangsa, negara yang tercinta Malaysia juga di peringkat antarabangsa tanpa mengira rumpun bangsa. Sebagai seorang sukarelawan beliau terus menabur bakti tanpa jemu-jemu malahan kerja sukarela sudah menjadi darah-daging kehidupan beliau. Beliau yang MyUniMAP maksudkan ialah Prof. Madya Dr. Mohammad Iqbal Omar @ Ye Htut atau lebih dikenali sebagai Dr. Iqbal. Sebagai warga UniMAP kita amat berbangga mempunyai seorang staf yang bukan sahaja dikagumi di peringkat nasional malah sumbangan baktinya dalam bidang kesukarelawanan beliau juga diiktiraf di peringkat antarabangsa. Apatah lagi Dr. Iqbal bukan sahaja merupakan seorang Prof. Madya di PPK Kejuruteraan Mekatronik menjurus kepada program Kejuruteraan Bioperubatan Elektronik malah merupakan Pengarah kepada Pusat Kesihatan di UniMAP.

Personaliti yang cukup istimewa ini telah dilahirkan pada 10 Januari 1962 di Yangon, Myanmar dan merupakan anak sulung daripada tiga orang adik beradik. Bapa beliau iaitu Hj Omar bin Mohd Akhbar adalah merupakan seorang pesara manakala ibu beliau iaitu Hajah Sarah Yusoff pula merupakan seorang suri rumahtangga sepenuh masa. Beliau telah mendirikan rumahtangga bersama isteri beliau iaitu Puan Khatija Bte Ahmed pada 7 November 1987. Isteri beliau juga merupakan seorang Jururawat di Pusat Kesihatan UniMAP. Pasangan bahagia ini telah dikurniakan tiga orang cahaya mata iaitu dua orang anak perempuan bernama Sarah dan Fatima masing-masing berusia 23 tahun dan 17 tahun manakala anak bongsu lelaki beliau iaitu Faizal pula berusia 16 tahun. Isteri dan anak-anak merupakan insan yang banyak menyokong kegiatan sukarelawan beliau.



"Keluarga saya terutama isteri, Puan Khatija sangat menyokong saya walaupun beliau terpaksa menanggung beban tambahan sebagai seorang ibu dan seorang bapa di rumah sepanjang ketiadaan saya berkhidmat sebagai sukarelawan di daerah bencana. Apatah lagi rasa bimbang sering di fikiran mereka. Namun begitu Alhamdulillah mereka amat memahami kerjaya saya. Ini mungkin kerana isteri saya juga terlibat dalam bidang kerjaya yang sama iaitu bidang perubatan membuatkan beliau begitu memahami bidang tugas saya sebagai seorang sukarelawan. Malah beliau juga pernah menyertai salah satu misi bantuan perubatan untuk gempa bumi Pakistan pada tahun 2005".



Salah satu keistimewaan personaliti ini ialah beliau cukup sukar untuk mengatakan 'tidak' sekiranya diminta pertolongan oleh mereka yang sangat memerlukan. Ini adalah kerana kerana beliau amat mengagumi Pemenang Hadiah Nobel dan pejuang demokrasi Daw Aung San Su Kyi kerana beliau sanggup berkorban apa sahaja demi rakyat dan negara serta menjadikan tokoh ini sebagai idola beliau dalam kehidupan. Walaupun jasa Dr. Iqbal amat dikagumi namun beliau lebih suka merendah diri serta lebih gemar untuk hidup bersederhana. Pengalaman manis hidup beliau adalah apabila menerima kerakyatan warganegara Malaysia dan pengalaman paling pahit apabila segala usaha dan daya upaya untuk menyelamatkan pesakit gagal semasa beliau berkhidmat di Jabatan Kecemasan Hospital suatu ketika dahulu. Hobi beliau adalah mendengar muzik dan melancong manakala makanan kegemaran beliau ialah kek Keju atau 'Cheese Cake'. Beliau juga gemar menghabiskan masa di rumah dengan beristirehat bersama keluarga sekiranya tidak sibuk dengan tugas untuk melepaskan lelah bekerja di masa lapang. Kerjaya Dr. Iqbal bermula semasa menjadi Penyelidik Doktor Perubatan di Pusat Penyelidikan Perubatan di Yangon, Myanmar pada tahun 1986. Kemudian beliau berhijrah ke Malaysia dan berkhidmat sebagai Doktor Perubatan di USM (1989-1996), UIAM (1996-1998), Jabatan Kemalangan dan Kecemasan HUKM (1998-1999), UM (2004) dan Hospital PUSRAWI (1999-2008).

Dr Iqbal mula berkhidmat secara rasmi di UniMAP pada 7 Ogos 2008. Sebelum itu beliau merupakan Konsultan Perubatan di UniMAP bermula tahun 2005 hingga 2008. Kini sebagai seorang Ketua Jabatan, Prof. Madya dan juga Pegawai Perubatan dalam masa yang sama di UniMAP bukanlah perkara yang mudah. Disebabkan itulah Dr. Iqbal lebih suka bersikap tidak bertolak ansur dan tegas bagi hal-hal berkaitan dengan urusan pesakit kerana bagi beliau bidang perubatan melibatkan nyawa dan masa depan pesakit.


"Impian dan matlamat di UniMAP ialah untuk membangunkan sebuah Pusat Kesihatan yang moden dan serba lengkap serta menawarkan perkhidmatan kesihatan yang setanding dengan negara maju.

# Prof. Madya Dr. Mohammad Iqbal Omar @ Ye Htut

Di samping itu juga saya akan terus aktif melibatkan diri dan memberi sumbangan penyelidikan yang berkaitan dengan hal ehwal bidang perubatan di peringkat PPK. Pengalaman manis beliau sepanjang berkhidmat bersama UniMAP yang tidak dapat dilupakan adalah apabila berpeluang untuk mengikuti Program Jelajah Ilmu IV di Australia bersama DYTMs Tuanku Canselor, DYTMs Tuanku Pro Canselor, Y. Bhg. Tan Sri Pengerusi LPU dan Y. Bhg. Dato' Naib Canselor UniMAP. Manakala peristiwa kehilangan empat orang pelajar UniMAP dalam satu kemalangan jalan raya pada bulan Ogos 2009 pula merupakan pengalaman paling pahit beliau sepanjang berkhidmat di UniMAP.

Dr. Iqbal bergiat aktif dalam bidang sukarelawan bersama Malaysian Medical Relief Society atau dikenali sebagai MERCY Malaysia bermula pada tahun 1999 ketika beliau sedang berkhidmat di Jabatan Kecemasan HUKM. Pada ketika itu MERCY Malaysia sedang giat menjayakan misi sukarelawan pertamanya di Kosovo. "Sejak dulu lagi saya amat percaya bahawa kita memiliki tanggungjawab tertentu untuk meringankan penderitaan sesama manusia. Oleh sebab itu saya menawarkan perkhidmatan sukarela saya kepada MERCY Malaysia kerana ini merupakan peluang untuk saya merealisasikan prinsip tersebut. Saya amat berterima kasih kepada Y. Bhg. Dato' Naib Canselor yang menyokong saya untuk meneruskan kegiatan sukarelawan ini".

Beliau telah menimba banyak pengalaman sukarelawan khususnya dalam bantuan bidang perubatan bukan sahaja di Malaysia malah di peringkat antarabangsa seperti di Pakistan dan Indonesia. "Saya terlibat secara langsung dengan operasi di klinik-klinik perubatan bergerak dalam sebahagian besar daripada misi sukarelawan. Saya juga pernah diberikan tugas untuk melakukan penilaian awal tahap kesihatan pada bencana alam dan membangunkan klinik kesihatan bagi beberapa misi. Tujuan kami adalah untuk menyediakan perkhidmatan kecemasan dan asas kesihatan bagi memberikan bantuan perubatan segera sebelum dirujuk kepada pihak klinik atau hospital yang terdekat dengan sedaya upaya yang ada. Selain daripada itu kami juga memantau kawalan wabak berjangkit tertentu seperti wabak kolera, meningitis, disentri dan lain-lain lagi kerana wabak penyakit seperti itu cukup biasa kerana keadaan cara hidup yang tidak baik, tahap kebersihan yang buruk dan kurangnya air bersih setelah terjadinya bencana alam."



Pelbagai halangan dan ujian telah ditempuhi oleh Dr. Iqbal. Seseorang sukarelawan perlu bekerja dalam masa yang amat panjang. Kadang kala perjalanan ke daerah-daerah bencana memerlukan masa yang lama dan mencabar bergantung kepada sesebuah Negara serta jenis pengangkutan berbeza-beza. "Semasa gempa bumi di Pakistan pada tahun 2005 dan gempa bumi Padang pada tahun 2009 kami menaiki kenderaan pacuan 4x4 dan kemudian berjalan kaki ke desa-desa yang tidak boleh



dilalui oleh kenderaan. Manakala dalam kes Taufan Nargis di Myanmar pada tahun 2008 pula, kami perlu menaiki sampan atau perahu kecil bermotor. Kebiasaannya pasukan kami akan sibuk mengubati pesakit dari satu lokasi ke lokasi yang lain hingga larut malam. Kami cuma dapat makan tengahari atau makan malam hanya di hujung hari sahaja. Kami melakukan kompilasi laporan, rekod dan statistik yang berkaitan serta pengisian semula bekalan perubatan untuk hari berikutnya pada malam hari. Kami biasanya mempunyai sesi diskusi sebelum ke tempat tidur dan berehat. Semasa sesi diskusi kami akan membincangkan tentang kegiatan yang telah dilaksanakan untuk hari itu, cara-cara untuk meningkatkan operasi kami seterusnya serta kegiatan yang dirancang untuk hari berikutnya. Di samping itu juga kami dimaklumkan tentang keadaan semasa termasuk isu-isu keselamatan bergantung kepada sesebuah negara".

Saat yang paling tidak dapat dilupakan oleh Dr. Iqbal ialah apabila dapat menyaksikan sendiri bagaimana mangsa bencana dapat bertahan walaupun menghadapi cabaran yang cukup getir dan luar biasa serta baikpulih semula hidup masyarakat yang terkena kesan semasa atau selepas berlakunya bencana dalam kesemua misi yang beliau sertai. Sudah pasti tekanan, kesedihan dan kekecewaan setelah menyaksikan penderitaan mangsa dan kehancuran akibat bencana akan dihadapi oleh para sukarelawan apatah lagi mereka terpaksa bekerja dalam tempoh masa yang panjang dan berterusan. Namun begitu bagi Dr. Iqbal senyuman yang terpamer di wajah kanak-kanak yang terlibat dalam bencana adalah ketenangan bagi beliau setelah dapat memberikan bantuan sedaya upaya beliau. "Kami akan merakamkan gambar mangsa bencana terutama kanak-kanak sepanjang bertugas. Kami akan gembira dan terhibur bersama ahli pasukan lain semasa melihat semula gambar-gambar tersebut di skrin kamera digital kami". Bagi Dr. Iqbal, penglibatan dan sumbangan yang beliau berikan melalui kegiatan sukarelawan MERCY memberikan kesempatan kepada beliau untuk membuat kelainan dalam bidang perubatan. Beliau amat berpuas hati kerana beliau dapat memberikan perbezaan yang besar dalam kehidupan sesebuah masyarakat.

Prinsip beliau sebagai seorang Doktor Perubatan adalah bertanggungjawab untuk membantu sesiapa saja yang memerlukan bantuan perubatan sama ada di dalam negara atau luar negara tanpa sempadan. Walaupun sibuk melaksanakan tugas harian beliau namun mampu dan cekal menghadapi saat sukar dan getir sebagai seorang sukarelawan. Semangat dan sikap ini memerlukan sokongan dan kesinambungannya. Dalam hal ini peranan pertubuhan-pertubuhan sukarela sendiri ternyata amat penting.

